



MEMO		
Daripada	: Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar	
Kepada	: Semua Penghuni Kamsis	
Salinan Kepada	: Pengarah Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Ketua Warden Fail	
Tarikh	: 24 Disember 2020	No. Fail : PMM.KAMSIS.700-1 Jld.3(75)

TATACARA PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI DAN KELUAR KAMSIS

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan arahan untuk melaksanakan proses PdP secara dalam talian, semua penghuni kamsis dibenarkan untuk mengambil barang-barang milik peribadi pada ketetapan seperti berikut :

- 2.1 Tarikh : 28 Disember 2020 sehingga 15 Januari 2021
(Kecuali Hari Cuti Mingguan dan Cuti Kelepasan Am)
- 2.2 Masa : 8.00 pagi sehingga 5.00 petang
- 2.3 Tempat : Pejabat Pengurusan Kamsis, Politeknik Merlimau Melaka

3. Bagi tujuan ini, tuan/ puan dikehendaki untuk mematuhi **Tatacara Keluar Kamsis** seperti di **Lampiran A**. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Pejabat Pengurusan Kamsis di talian 019-4178520.

4. Perhatian dan kerjasama tuan/ puan terhadap perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN)

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Merlimau, Melaka

**TATACARA PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI DAN KELUAR KAMSIS
POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA**

1. Mengosongkan Bilik pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 28 Disember 2020 sehingga 15 Januari 2021
(Kecuali Hari Cuti Mingguan dan Cuti Kelepasan Am)
Masa : 8.00 pagi sehingga 5.00 petang
Tempat : Pejabat Pengurusan Kamsis, Politeknik Merlimau Melaka
2. Semua pelajar dan pelawat yang mengiringi pelajar hendaklah menjalani pemeriksaan suhu dan mengimbas Kod QR di Pos Pengawal Utama sebelum memasuki kawasan Politeknik Merlimau, Melaka.
3. Parkir kenderaan di lokasi yang dibenarkan sahaja.
4. Pelajar hendaklah mengisi Buku Rekod Kehadiran di Pos Pengawal Kamsis sebelum memasuki kawasan Kamsis.
5. Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan untuk mengambil barangan peribadi masing-masing di Kamsis. Ibu bapa atau sesiapa yang membawa pelajar hanya dibenarkan menunggu di dalam kenderaan atau di kawasan parkir sahaja.
6. Pelajar adalah bertanggungjawab di atas kebersihan dan kekemasan bilik masing-masing. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan menyebabkan penahanan keputusan peperiksaan akhir. Sebarang peralatan atau barang-barang yang ditinggalkan diklasifikasikan sebagai tidak diperlukan dan pihak Kamsis berhak membuangnya.
7. Kunci Bilik hendaklah diserahkan sendiri kepada Kakitangan di pejabat Pengurusan Kamsis pada waktu yang telah ditetapkan sahaja.
8. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Pejabat Pengurusan Kamsis di talian 019-417 8520.

Sekian, terima kasih.